

Soalan Lazim (BM)

Kandungan	Soalan-Soalan Lazim
1. Undang-undang Kredit Pengguna	S1: Bilakah Akta Kredit Pengguna (<i>Consumer Credit Act, CCA</i>) akan digubal? CCA disasarkan untuk dibentangkan di Parlimen pada suku keempat (Oktober dan November) 2023.
2. Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna (<i>Consumer Credit Oversight Board, CCOB</i>)	S2: Apakah yang dimaksudkan dengan CCOB sebagai 'pengawal selia berasaskan digital'? Hal ini bermaksud CCOB akan memanfaatkan teknologi digital dalam keseluruhan operasi mereka bagi memberikan kecekapan yang lebih baik kepada peserta industri. Teknologi akan diterapkan dalam mendidik dan mewujudkan kesedaran kepada semua lapisan masyarakat.
3. Pemberikuasaan, Tadbir Urus dan Standard Amalan	S3: Bagaimanakah CCOB memberikan kebenaran kepada entiti yang menjalankan beberapa perniagaan kredit? Entiti tersebut memerlukan lesen dari atau mendaftar dengan CCOB untuk menjalankan setiap jenis perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit di bawah skop CCA. Dalam Fasa 1, sebelum kuasa pengawalseliaan daripada KPKT dan KPDN dipindahkan kepada CCOB, entiti yang ingin menjalankan perniagaan seperti pemberi pinjam wang atau pajak gadai masih perlu mendapatkan lesen daripada pihak berkuasa pengawalseliaan masing-masing. S4: Apakah perkhidmatan pinjaman khalayak dalam talian, dan adakah ia termasuk pengendali pinjaman Peer-to-Peer (P2P) yang berdaftar dengan SC? Perkhidmatan platform pinjaman khalayak dalam talian bermaksud aktiviti pengendalian platform elektronik yang dibenarkan oleh SC untuk memudahkan, secara langsung atau tidak langsung, pemberian pinjaman atau pembiayaan kredit kepada pengguna kredit. Untuk tujuan CCA, pengendali pinjaman P2P menyediakan perkhidmatan pinjaman khalayak dalam talian. Walau bagaimanapun, pengendali pinjaman P2P yang kini berdaftar dengan SC tidak perlu memohon pendaftaran dengan CCOB sebagai penyedia perkhidmatan pinjaman khalayak dalam talian atau sebagai penyedia perkhidmatan pinjaman wang. SC, sebagai salah satu RSA, akan melaksanakan pengawasan penyeliaan dan penguatkuasaan CCA ke atas pengendali P2P berhubung dengan pelaksanaan aktiviti tersebut. S5: Bilakah CCA akan dikuatkuasakan ke atas institusi yang bakal dikawal selia? Bakal institusi yang akan dikawal selia (penyedia kredit dan penyedia perkhidmatan kredit bukan bank yang sedia ada) akan diberikan tempoh penangguhan selama 6 bulan dari tarikh penggubalan CCA untuk pematuhan dan membuat persediaan bagi mendapatkan kebenaran.

	S6: Berapa lamakah proses untuk mendapatkan lesen atau mendaftar? Pemberikuasaan oleh CCOB hanya perlu dilakukan sekali sahaja. Proses ini melibatkan penyerahan permohonan kepada CCOB dan perbincangan secara digital dengan CCOB. CCOB akan berusaha untuk memaklumkan keputusan permohonan dalam tempoh 3 bulan, tertakluk pada permohonan yang lengkap dikemukakan bersama maklumat yang diperlukan. S7: Adakah saya perlu memperbaharui lesen/pendaftaran setiap tahun? Tidak perlu. Lesen atau pendaftaran yang diberikan akan terus sah kecuali dibatalkan, digantung, pemegang lesen atau pemegang pendaftaran (<i>registrant</i>) dibatalkan pendaftaran, atau perniagaan telah menghentikan operasi. Individu pemegang lesen atau pemegang pendaftaran perlu membayar fi tahunan sepanjang tempoh sah laku lesen/pendaftaran tersebut. S8: Dalam keadaan apakah lesen atau pendaftaran perniagaan saya akan dibatalkan/digantung/dibatalkan pendaftaran? Pembatalan/Penggantungan/Pembatalan pendaftaran akan berlaku apabila terdapat kegagalan mematuhi peruntukan/peraturan/standard CCA seperti yang berikut: • Tidak membayar lesen tahunan/fi pendaftaran • Ketidakpatuhan kepada obligasi kewangan, tadbir urus, amalan dan pelaporan • Kegagalan untuk memenuhi keperluan kesesuaian dan kelayakan kakitangan utama. S9: Apakah jenis fi yang dikenakan di bawah CCOB? Fi pengawalseliaan CCOB adalah berdasarkan tiga bidang yang berikut: • <u>Kemasukan</u> <i>Fi pemprosesan tidak akan dikembalikan bagi permohonan lesen/pendaftaran baharu.</i> • <u>Penyelenggaraan - Perkhidmatan Pengawalseliaan</u> <i>Fi adalah berkadar dengan mengambil kira prestasi perniagaan entiti, iaitu mengikut tahap pendapatan/hasil. Sebahagian daripada fi tahunan ini akan diguna pakai untuk membiayai kos pengawalan dan penyeliaan CCOB (contohnya sistem dan portal dalam talian, kerja pengawasan dan penyeliaan, program kesedaran dan pendidikan serta sebagainya).</i> • <u>Pematuhan Kawal Selia - Fi Pencegahan</u> <i>Fi untuk menyemak/menilai permohonan pelepasan/ R atau lanjutan masa. Fi ini adalah untuk mengukuhkan disiplin industri dan tahap pematuhan.</i> S10: Bolehkah saya memindahkan atau menjual lesen saya kepada entiti lain? Tidak. Entiti yang telah diberikan lesen atau didaftarkan di bawah CCA tidak dibenarkan memindah/menjual/memajak lesen atau pendaftaran mereka kepada mana-mana pihak atau orang lain. Sebarang cadangan aktiviti korporat (penyatuan atau penggabungan) memerlukan kebenaran terlebih dahulu daripada
--	--

	CCOB atau Pihak Berkuasa Kawal Selia dan Penyeliaan (<i>Regulatory and Supervisory Authority, RSA</i>) yang berkenaan. S11: Bagaimanakah saya boleh mencapai status patuh Syariah untuk perniagaan saya? Pematuhan Syariah hendaklah menyeluruh iaitu pada setiap peringkat rantai nilai operasi/perniagaan sebelum perniagaan tersebut boleh mempromosikan atau memperkenalkan entiti sebagai perniagaan kredit patuh Syariah. S12: Bolehkah saya mengendalikan perniagaan kredit saya dari luar Malaysia (contohnya, pejabat di Singapura atau China)? Tidak, semua entiti yang berhasrat untuk menjalankan aktiviti kredit pengguna di Malaysia perlu diperbadankan di dalam negeri sebagai sebuah syarikat sendirian berhad atau syarikat berhad (<i>limited by shares</i>). S13: Adakah CCOB akan menetapkan atau mengawal selia fi dan caj? Secara amnya, tidak. Walau bagaimanapun, CCOB boleh menggunakan kuasanya untuk mengawal selia fi dan caj bagi sektor atau tujuan tertentu.
4. Amalan Perniagaan dan Bidang Perlindungan Kredit Pengguna	<u>Penilaian Kemampuan</u> S14: Adakah semua penyedia kredit dikehendaki membuat penilaian kemampuan sebelum menawarkan kredit? Ya, semua penyedia kredit bukan bank dikehendaki membuat penilaian kemampuan ke atas pengguna sebelum sebarang kredit ditawarkan. Mereka perlu memastikan bahawa peminjam mempunyai keupayaan untuk membayar balik kredit pada masa hadapan, dengan mengambil kira pendapatan dan kesemua obligasi kewangan semasa peminjam. Walaupun bagaimanapun, bagi perusahaan kecil atau mikro, penyedia kredit/penyedia perkhidmatan kredit hendaklah membuat penilaian kelayakan kredit berdasarkan daya maju perniagaan dan keupayaannya untuk membayar balik berdasarkan pendapatan/hasil. <u>Kutipan hutang secara adil</u> S15: Adakah terdapat had bilangan agensi kutipan hutang yang boleh dilantik oleh penyedia kredit/penyedia perkhidmatan kredit? Tidak. Walau bagaimanapun, penyedia kredit/penyedia perkhidmatan kredit perlu memastikan bahawa agensi kutipan hutang tersebut berdaftar dengan CCOB. <u>Pengurusan aduan</u> S16: Siapakah yang boleh membuat aduan melalui sistem pengurusan aduan sehati? Pengguna kredit yang berasa tidak dilayan secara adil boleh membuat aduan terhadap penyedia kredit/penyedia perkhidmatan kredit melalui sistem tersebut. Portal ini akan saling beroperasi dengan sistem pengendalian aduan dalaman penyedia kredit/penyedia perkhidmatan kredit. Langkah ini membolehkan perkongsian maklumat, interaksi dan penyelarasan antara CCOB

	dengan RSA masing-masing mengenai aduan yang melibatkan pelbagai agensi kawal selia. S17: Adakah sebarang proses penyelesaian pertikaian akan diwujudkan? Adakah pertikaian terhadap perniagaan yang dikawal selia oleh CCOB boleh dirujuk kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) atau Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC)? Pengadu mesti terlebih dahulu mengajukan pertikaian kepada penyedia kredit/penyedia perkhidmatan kredit masing-masing. Jika pengadu tidak bersetuju atau tidak berpuas hati dengan maklum balas mereka, atau apabila tiada maklum balas yang diterima, pengadu boleh merujuk tentang pertikaian tersebut kepada CCOB atau RSA masing-masing, mengikut kesesuaian. Pada masa ini, hanya pertikaian terhadap penyedia kredit/ penyedia perkhidmatan kredit yang merupakan ahli OFS atau SIDREC sahaja yang boleh dirujuk kepada agensi-agensi ini. Dalam jangka masa yang lebih panjang, satu saluran penyelesaian pengguna yang bersepadu akan dipertimbangkan untuk menangani pertikaian berhubung dengan amalan, atau produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh semua penyedia kredit/penyedia perkhidmatan kredit yang tertakluk di bawah CCA. S18: Apakah yang dikehendaki daripada penyedia kredit dan penyedia perkhidmatan kredit berhubung dengan pengendalian aduan oleh pengguna kredit? Semua penyedia kredit dan penyedia perkhidmatan kredit perlu mewujudkan dan melaksanakan proses pengendalian aduan yang komprehensif termasuk menyediakan pusat perhubungan khusus (<i>a dedicated point of contact</i>) yang boleh diakses secara meluas bagi mengendalikan aduan daripada pengguna kredit. <i>[Nota: CCOB akan membangunkan sistem pengurusan aduan sehenti (complaints management system, CMS) untuk membolehkan penyedia kredit/ penyedia perkhidmatan kredit menerima aduan daripada pengguna kredit. CMS tersebut akan saling berhubung dengan sistem pengendalian aduan dalaman milik penyedia kredit/ penyedia perkhidmatan kredit. Penyedia kredit/ penyedia perkhidmatan kredit yang tidak mempunyai sistem pengendalian aduan dalaman yang dibangunkan sepenuhnya boleh menggunakan sistem ini untuk mengendalikan aduan.]</i>
5. Pengemaskinian Pembiayaan Sewa Beli	S19: Adakah cadangan penambahbaikan kepada Akta Sewa Beli 1967 (“ASB”) terpakai ke atas kontrak sewa beli yang sedia ada? Penambahbaikan yang dicadangkan kepada ASB hanya akan terpakai ke atas kontrak sewa beli baharu yang ditandatangani selepas peruntukan-peruntukan yang disemak semula di bawah ASB telah digubal dan berkuat kuasa. Peminjam sedia ada akan terus tertakluk kepada terma di bawah kontrak sewa beli sedia ada. S20: Mengapakah ada larangan ke atas penggunaan kaedah Peraturan 78 dan kadar rata untuk pengiraan faedah bagi pinjaman sewa beli?

	Larangan ini bertujuan untuk memastikan hasil yang lebih adil bagi peminjam, terutamanya bagi mereka yang menyelesaikan pinjaman mereka dengan lebih awal. a) Cara pengiraan kaedah Peraturan 78 memperuntukkan bayaran faedah yang lebih tinggi pada permulaan tempoh pinjaman. Hal ini bermakna sebahagian besar daripada jumlah pembayaran balik pinjaman akan digunakan untuk membayar faedah berbanding baki jumlah pokok. Peminjam yang ingin menyelesaikan pinjaman mereka dengan lebih awal akan berhadapan dengan jumlah pokok tertunggak yang lebih tinggi berbanding kaedah pengiraan pembayaran faedah yang lain. b) Kaedah kadar rata adalah tidak adil kepada peminjam kerana sepanjang tempoh pinjaman, peminjam dikenakan faedah berdasarkan jumlah pokok asal yang mereka pinjam dan bukannya berdasarkan jumlah tertunggak yang berkurangan dengan setiap pembayaran balik. Ini menyebabkan peminjam membayar faedah yang jauh lebih tinggi berbanding pinjaman yang mengenakan faedah berdasarkan kaedah baki berkurangan. Kaedah Peraturan 78 diiktiraf secara global sebagai tidak adil kepada peminjam. Amalan ini dilarang dalam bidang kuasa seperti Australia, New Zealand, United Kingdom (UK), dan beberapa negeri di Amerika Syarikat. Penawaran pinjaman kadar rata juga adalah dilarang di Australia dan New Zealand. Dalam bidang kuasa seperti UK dan Amerika Syarikat, tawaran pinjaman kadar rata hanya dibenarkan apabila faedah yang dikenakan adalah sama atau lebih rendah daripada faedah yang dikenakan di bawah kaedah baki berkurangan. S21: Apakah kaedah yang akan digunakan oleh penyedia sewa beli untuk mengira faedah pada masa akan datang? Kaedah baki berkurangan akan digunakan oleh penyedia sewa beli untuk mengira faedah. Kaedah ini melibatkan pengiraan faedah ke atas baki tertunggak pinjaman setiap bulan, iaitu setiap kali peminjam membayar balik pinjaman, jumlah faedah yang dikenakan juga berkurangan dari semasa ke semasa. Ini menyebabkan pembayaran balik bulanan yang lebih adil sepanjang tempoh pinjaman. Jika peminjam menyelesaikan pinjaman sewa beli mereka dengan lebih awal dengan menggunakan kaedah baki berkurangan, baki jumlah yang perlu dibayar balik akan lebih rendah berbanding dengan menggunakan kaedah Peraturan 78. Sebagai contoh, pinjaman perumahan yang ditawarkan oleh institusi kewangan adalah berdasarkan kaedah baki berkurangan S22: Adakah penyedia sewa beli akan terus menawarkan pinjaman kadar tetap? Ya, penyedia sewa beli akan terus menawarkan pinjaman kadar tetap. Peminjam tetap akan mempunyai pilihan untuk mengambil pinjaman sewa beli dengan kadar tetap atau kadar berubah. Kelebihan mengambil pinjaman dengan kadar tetap ialah kadar faedah yang
--	--

	dikenakan akan kekal sama sepanjang tempoh pinjaman. Hal ini berbeza dengan pinjaman kadar berubah yang mungkin kelihatan lebih "murah" apabila kadar polisi semalaman berkurangan kerana kadar faedah juga akan berkurang. Walau bagaimanapun, pinjaman akan menjadi lebih "mahal" apabila kadar polisi semalaman meningkat kerana kadar faedah juga akan turut meningkat. S23: Adakah terdapat had pada kadar faedah yang boleh dikenakan oleh penyedia sewa beli ke atas peminjam? Ya. Sejak 2005, penyedia sewa beli dilarang mengenakan kadar faedah yang lebih tinggi daripada 10% setahun untuk pinjaman kadar tetap, dan 17% setahun untuk pinjaman kadar berubah. Kadar faedah maksimum ini diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Sewa Beli (Caj Terma) 2005, dan kadar faedah maksimum untuk pinjaman kadar tetap telah dinyatakan dalam bentuk kadar nominal. Kadar faedah nominal, pada dasarnya, merujuk kepada kadar faedah pinjaman yang dinyatakan atau diiklankan oleh penyedia sewa beli sebelum mengambil kira faedah berkompaun ("compounding interest") serta fi dan caj yang lain. Oleh sebab itu, kadar faedah nominal mungkin dilihat sebagai lebih rendah daripada Kadar Faedah Berkesan ("KFB"). Usul untuk melaraskan kadar faedah maksimum kepada KFB tidak melebihi 17% setahun dalam perenggan 20.9(c) KK2 bukan bertujuan untuk mengubah had sedia ada (sila rujuk penerangan dalam jawapan kepada Soalan 7 untuk maklumat lanjut). S24: Apakah itu Kadar Faedah Berkesan ("KFB")? Kadar Faedah Berkesan ("KFB") adalah kadar yang mencerminkan faedah sebenar yang dibayar oleh peminjam kepada pemberi pinjaman selepas mempertimbangkan kesan pengkompaunan serta fi dan caj lain yang tidak diambilkira oleh kadar faedah nominal. KFB mencerminkan kos sebenar pinjaman sepanjang tempoh pinjaman tersebut. Dalam proses memilih pinjaman yang sesuai, peminjam digalakkan untuk mengenal pasti KFB pinjaman tersebut supaya perbandingan kadar yang ditawarkan oleh penyedia sewa beli dapat dilakukan dengan betul. S25: Mengapakah had yang dicadangkan untuk pinjaman sewa beli dengan kadar tetap lebih tinggi daripada had sedia ada? Kadar maksimum untuk pinjaman sewa beli yang tidak melebihi KFB 17% setahun, seperti yang diusulkan dalam perenggan 20.9(c) KK2, tidaklah berlainan dengan kadar faedah nominal maksimum yang telah diperuntukkan untuk pinjaman kadar tetap selepas ditukarkan kepada KFB, dan juga kadar yang diperuntukkan untuk pinjaman kadar berubah di bawah Peraturan-Peraturan Sewa Beli (Caj Terma) 2005. Berdasarkan usul yang dicadangkan, had maksimum akan dinyatakan dalam bentuk KFB untuk memberi gambaran yang lebih tepat kepada peminjam mengenai kos sebenar pinjaman yang ditawarkan oleh penyedia sewa beli. Sehubungan dengan itu, penyedia sewa beli juga perlu mengiklankan kadar faedah pinjaman yang ditawarkan oleh mereka dalam bentuk KFB. Hal ini kerana kadar nominal yang diiklankan oleh penyedia sewa beli mungkin
--	--

	menyebabkan peminjam tersalah anggap bahawa pinjaman tersebut lebih “murah” daripada kos sebenar. Perbezaan kadar nominal dan kadar sebenar atau KFB telah dijelaskan dalam Jadual 2 di bawah perenggan 20.6 KK2. Menetapkan had maksimum dan mewajibkan penyedia sewa beli untuk menawarkan pinjaman sewa beli berdasarkan KFB akan menambah baik kebolehan bakal pembeli pinjaman untuk meninjau, membandingkan dan memilih tawaran yang paling sesuai untuk mereka. S26: Adakah penyedia sewa beli masih menawarkan rebat jika peminjam menyelesaikan pinjaman mereka dengan lebih awal? Apabila peminjam menyelesaikan pinjaman sewa beli mereka secara lebih awal daripada tempoh pinjaman di bawah kontrak, penyedia sewa beli akan mengetepikan (“waive”) pembayaran faedah yang diperuntukkan untuk bulan-bulan selebihnya. Penepian (“waiver”) ini biasanya digelar “rabat” atau “diskaun”. Di bawah ASB yang disemak semula, tidak akan ada penepian seperti ini kerana pinjaman kadar tetap dan kadar berubah akan menggunakan kaedah baki berkurangan untuk mengira faedah, di mana jumlah bayaran faedah bulanan dikira berdasarkan baki pinjaman tertunggak. Apabila peminjam selesai membayar keseluruhan jumlah pinjaman yang tertunggak, tiada lagi faedah yang terkumpul. Maka, tiada “rabat” atau “diskaun” yang akan ditawarkan oleh penyedia sewa beli. S27: Adakah tandatangan digital dan elektronik akan diwajibkan bagi tujuan melaksanakan dan mengubah perjanjian sewa beli? Tidak, ia cuma menjadi pilihan untuk penyedia sewa beli memilih sama ada ingin terima pakai peruntukan tersebut. ASB yang telah disemak semula masih akan membenarkan penerimaan tandatangan secara sedia ada dan secara tambahan, ASB juga akan membenarkan penerimaan penggunaan tandatangan digital dan elektronik sebagai salah satu cara bagi penyedia sewa beli melaksanakan atau mengubah perjanjian sewa beli. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan urusan penyedia sewa beli dalam melaksanakan dan mengubah perjanjian sewa beli tanpa perlu mengadakan perjumpaan secara bersemuka atau menyediakan salinan cetak perjanjian sewa beli tersebut.
--	---